



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
MALAYSIA ECONOMIC RECOVERY DASHBOARD

***Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD) Sebagai Sumber Rujukan
Ekonomi Semasa Negara***

PUTRAJAYA, 2 DISEMBER 2021 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan ***Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD)*** yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). MERD merupakan platform yang memberi gambaran ringkas keadaan ekonomi semasa negara. *Dashboard* ini mengandungi sembilan indikator ekonomi utama, iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Tenaga Buruh, Komoditi, Harga, Pembuatan, Perkhidmatan, Perdagangan Antarabangsa, Imbangan Pembayaran dan Indikator Lain, yang merangkumi 39 sub-indikator dalam bentuk siri masa bulanan, suku tahunan dan tahunan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "***Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD)*** merupakan inisiatif terkini DOSM bagi membantu meningkatkan kefahaman orang ramai dan membantu usaha kerajaan dalam memulihkan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Melalui MERD, orang ramai dapat mengenali indikator ekonomi utama dan hubungkait antara sub-indikator yang memberi gambaran perkembangan semasa dan pemulihan ekonomi negara. Adalah menjadi harapan DOSM agar orang ramai memanfaatkan dashboard yang disediakan ini."

Ketua Perangkawan juga menyatakan, "Pandemik COVID-19 telah menjejaskan ekonomi negara dengan ketara. Pertumbuhan KDNK menguncup sebanyak 5.6 peratus dan kadar pengangguran mencecah 4.5 peratus pada tahun lepas. Keadaan yang tidak menentu berikutan pandemik COVID-19 turut menjejaskan kedudukan ekonomi pada keseluruhan tahun ini. Prestasi ekonomi telah bertambah baik pada separuh tahun pertama ini dengan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.1 peratus pada September 2021 berbanding penguncupan 4.7 peratus pada Ogos dan 7.6 peratus pada Julai 2021 hasil daripada pelaksanaan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) oleh kerajaan. MERD adalah relevan dalam senario semasa untuk memantau dan membantu kerajaan menggiatkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat."

Tambahan kepada *Dashboard* ini, terdapat juga indikator daripada pelbagai sumber berkaitan COVID-19 seperti *Google Mobility Trends* dan *COVID-19 surveillance*

Dashboard yang tersedia untuk kegunaan umum bagi memantau perkembangan semasa senario pandemik di negara ini."

Malaysia Economic Recovery Dashoard, *Google Mobility Trends* dan *COVID-19 surveillance Dashboard* ini boleh dicapai melalui <https://www.dosm.gov.my/>.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
2 DISEMBER 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIA ECONOMIC RECOVERY DASHBOARD

Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD) as a Reference on the Nation's Current Economic Situation

PUTRAJAYA, DECEMBER 2, 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) launched the **Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD)** which was officiated by YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister in the Prime Minister's Department (Economy). MERD is a platform that serves as a quick overview of Malaysia's current economic situation. The dashboard contains nine key economic indicators, namely Gross Domestic Product (GDP), Labour Force, Commodities, Prices, Manufacturing, Services, International Trade, Balance of Payments and Other Indicators, that includes 39 sub-indicators in the form of monthly, quarterly and annual time series.

According to the Chief Statistician, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD) is the latest initiative by DOSM to increase public's awareness and understanding, besides assisting the government's efforts to revive the economy due to the COVID-19 pandemic. Through MERD, the public is able to know the key economic indicators and the relationship between sub-indicators that provide the current economic and recovery scenario. DOSM hope that the public will benefit and fully utilised the dashboard".

He also said that "The COVID-19 pandemic has significantly affected the country's economy. GDP growth contracted by 5.6 per cent, and the unemployment rate reached 4.5 per cent last year. The uncertainty following the COVID-19 pandemic also affected the economic position throughout the year. Economic performance has improved in the first half of this year with a smaller contraction of 1.1 per cent in September 2021 as compared to a contraction of 4.7 per cent in August and 7.6 per cent in July 2021 due to the implementation of the National Economic Recovery Plan by the government. MERD is relevant in the current scenario to monitor and assist the government in revitalizing the economy and rakyat's well-being."

In addition to the newly launched dashboard, there are also indicators related to COVID-19 from various sources such as Google Mobility Trends and COVID-19 surveillance Dashboard available for the public to monitor the current developments of the pandemic scenario in this country.

The Malaysia Economic Recovery Dashboard, Google Mobility Trends and COVID-19 surveillance Dashboard are accessible through <https://www.dosm.gov.my/>.

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysian residents, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88 -7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate with the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
2nd DECEMBER 2021**